

PAPAAKAN BAMBARAYON: MAKNA SIMBOLIK DAN FUNGSI DALAM KEPERCAYAAN MASYARAKAT KADAZANDUSUN

(Papaakan Bambarayon: Symbolic Meaning and Functions in the Beliefs of the Kadazandusun Community)

*Constantine Walter*¹

m20242001932@siswa.upsi.edu.my

*Minah Sintian*²

minahsintian@fbk.upsi.edu.my

*Julita Norjietta Taisin*³

norjietta@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.^{1,2&3}

Pengarang koresponden (Corresponding author):²

Rujukan makalah ini (To cite this article): Constantine Walter, Minah Sintian, & Julita Norjietta Taisin. (2026). *Papaakan bambarayon*: Makna simbolik dan fungsi dalam kepercayaan masyarakat Kadazandusun. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 19(2), 249–276. [https://doi.org/10.37052/jm.19\(2\)no3](https://doi.org/10.37052/jm.19(2)no3)

Peroleh: <i>Received:</i>	18/6/2026	Semakan: <i>Revised</i>	14/7/2026	Terima: <i>Accepted:</i>	29/7/2026	Terbit dalam talian: <i>Published online</i>	31/7/2026
------------------------------	-----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	---	-----------

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda (*This article has undergone a double-blind peer review process*)

Abstrak

Upacara *papaakan bambarayon* merupakan warisan budaya masyarakat Kadazandusun sebagai tanda penghormatan kepada semangat padi yang dipercayai membawa kelimpahan hasil tanaman. Kajian ini dilakukan untuk meneliti makna dan fungsi simbolik *papaakan bambarayon* dalam masyarakat Kadazandusun di Kampung Toboh Laut, Keningau, Sabah, di samping menghuraikan proses penyediaan peralatan dan bahan bagi upacara tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif berasaskan kajian etnografi dengan pengumpulan data melalui temu bual tidak berstruktur dan pemerhatian langsung. Informan yang terlibat ialah seorang tokoh adat yang dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Hasil kajian mendapati

bahawa terdapat beberapa proses pelaksanaan upacara *papaakan bambarayon*, seperti penyediaan daun, penyembelihan ayam, pembungkusan nasi, penyediaan tapai dan *mongokori*. Terdapat dua mantera digunakan ketika upacara, iaitu *Papaakan Bambarayon* dan *Rinait Mongokori*. Seruan *koridok*, *koridok*, *koridok bambarayon* dan *korihi*, *korihi*, *korihi pokotiru* dalam mantera membawa makna adab sopan dalam memanggil semangat padi. Darah ayam yang disembelihkannya membawa makna kesuburan tanaman padi, sementara *mangantalob* berfungsi sebagai pengukuhan etika ketika makan dalam komuniti Kadazandusun. Ungkapan dalam mantera dan peralatan yang digunakan ketika upacara membawa makna simbolik dan fungsi tertentu dalam masyarakat Kadazandusun di lokasi kajian. Kajian ini memberikan implikasi terhadap pengekalan warisan budaya dan bahasa sebagai jati diri masyarakat Kadazandusun.

Kata kunci: *Papaakan bambarayon*, Kadazandusun, kajian etnografi, mantera, padi, warisan budaya

Abstract

The papaakan bambarayon, or rice spirit feeding ceremony, constitutes part of the cultural heritage of the Kadazandusun community, serving as a sign of respect for the rice spirit, which is believed to bring abundant crop yields. This study aims to examine the symbolic meanings and functions of this ceremony among the Kadazandusun community in Kampung Toboh Laut, Keningau, Sabah, and describe the process of preparing the equipment and materials required for the ceremony. Employing a descriptive qualitative approach based on ethnographic research, data were collected through unstructured interviews and direct observation. The informant was a traditional leader selected using purposive sampling. The findings reveal that the implementation of the ceremony involves several stages, including the preparation of leaves, chicken slaughtering, rice wrapping, tapai preparation, and mongokori. Two specific mantras are chanted during the ritual, namely Papaakan Bambarayon and Rinait Mongokori. The incantations 'koridok, koridok, koridok bambarayon' and 'korihi, korihi, korihi pokotiru' in the mantras signify polite conduct in summoning the rice spirit. Furthermore, the blood of the slaughtered chicken symbolises the fertility of the rice crop, while mangantalob serves to reinforce dining etiquette within the Kadazandusun community. The expressions in the mantras and the equipment used during the ceremony carry distinct symbolic meanings and functions for the Kadazandusun community at the study site. This study offers significant implications for the preservation of cultural heritage and language as core pillars of Kadazandusun identity.

Keywords: Papaakan Bambarayon, Kadazandusun, ethnographic study, mantras, rice, cultural heritage

PENDAHULUAN

Upacara *papaakan bambarayon* bermaksud memberikan makanan kepada semangat padi merupakan satu daripada tradisi penting dalam budaya masyarakat Kadazandusun di Kampung Toboh Laut, Keningau, Sabah. Upacara ini dilaksanakan sebagai penghormatan kepada semangat padi yang dipercayai sebagai pemberi hasil tuaian yang melimpah dan membawa keberkatan dalam kehidupan masyarakat. Tradisi ini bukan sekadar ritual penghormatan, tetapi turut mencerminkan kepercayaan kosmologi masyarakat Kadazandusun yang mempercayai kewujudan roh penjaga alam yang perlu dihormati bagi mengekalkan keseimbangan kehidupan (Jacquelina Karimon & Shaiful Bahri Mohd. Radzi, 2021; Minah Sintian, 2023).

Bambarayon dipercayai sebagai roh atau semangat padi yang dihormati oleh masyarakat Kadazandusun kerana dikatakan mengorbankan dirinya demi kelangsungan hidup manusia (Minah Sintian, 2023). Dengan berdasarkan kepercayaan lisan yang diwariskan dari generasi ke generasi, hampir semua subetnik dalam rumpun Kadazandusun mempercayai bahawa *bambarayon* merupakan wanita suci yang menyerahkan dirinya demi menjamin hasil tuaian dan bekalan makanan masyarakat. Kisah pengorbanan ini bukan sahaja menjadi asas kepercayaan budaya, tetapi mengajarkan nilai pengorbanan, kesyukuran dan hubungan harmoni antara manusia dengan alam. Dalam konteks ini, *bambarayon* menjadi simbol hubungan harmoni antara manusia dengan alam sekitar. Kepercayaan ini memperlihatkan bahawa hasil tuaian yang melimpah dan keberkatan hidup berkait rapat dengan penghormatan terhadap roh penjaga alam melalui pelaksanaan ritual.

Masyarakat mengadakan upacara khas yang dikenali sebagai *papaakan bambarayon* dengan menyediakan pelbagai makanan tradisional, seperti sup ayam, telur rebus, nasi bungkus, air tapai dan lauk-pauk. Penyediaan makanan ini dilakukan secara gotong-royong, dengan kaum wanita bertugas untuk memasak dan menghidangkan makanan, manakala kaum lelaki membantu menyediakan tempat dan membawa bahan mentah. Makanan tersebut kemudiannya dibawa ke *sulap* atau pondok padi untuk dinikmati bersama-sama dalam suasana kekeluargaan dan harmoni. *Sulap* sebagai tempat upacara *papaakan bambarayon* menjadi simbol perpaduan dan ruang pertemuan antara manusia dengan semangat padi dan sesama ahli komuniti. Upacara *papaakan bambarayon* juga mengandungi rangkaian ritual yang sarat dengan makna simbolik. Setiap bahagian dalam upacara ini yang terdiri daripada pemilihan tempat sehinggalah penyusunan persembahan, mengandungi nilai budaya yang menghubungkan masa lalu dengan masa kini yang mengukuhkan identiti etnik masyarakat setempat. Penyertaan komuniti dalam upacara ini bukan sahaja berfungsi sebagai ritual spiritual, tetapi juga sebagai ejen sosial yang mengeratkan hubungan dalam kalangan penduduk kampung tanpa mengira usia, status sosial atau latar belakang keluarga (Tomy Wijaya et al., 2025).

Upacara ini lazimnya diadakan oleh petani selepas musim menuai sebagai tanda kesyukuran atas hasil yang diperoleh. Rakan dan jiran tetangga dijemput untuk bersama-sama meraikannya tanpa mengira status sosial. Dalam semangat gotong-royong dan saling menghormati, mereka juga menghadiri upacara yang dianjurkan oleh petani lain. Tradisi saling mengundang ini dapat memperkukuh hubungan sosial dan menyuburkan nilai perpaduan, kesepakatan, serta semangat kekitaan dalam komuniti. *Papaakan bambarayon* turut berperanan penting dalam memperkukuh perpaduan komuniti. Dalam masyarakat tradisional, perpaduan menjadi asas kelangsungan kehidupan dan keharmonian sosial. Pelaksanaan upacara ini memperlihatkan bahawa pengamalan nilai sosiobudaya, seperti gotong-royong, saling menghormati dan kerjasama diwariskan kepada generasi seterusnya. Kampung Toboh Laut menjadi contoh komuniti pinggir bandar yang masih mengekalkan tradisi lisan dan upacara kebudayaan sebagai elemen penting dalam membentuk jati diri dan memperkukuh perpaduan komuniti. Selain itu, upacara *papaakan bambarayon* turut berfungsi sebagai medium untuk memelihara identiti budaya Kadazandusun agar terus diwarisi oleh generasi muda. Melalui kesinambungan amalan ini, masyarakat Kadazandusun bukan sahaja mengekalkan warisan nenek moyang, tetapi juga membentuk komuniti yang bersatu padu, bertolak-ansur dan kaya dengan nilai kemanusiaan dan spiritualiti.

Walaupun bagaimanapun, pada era globalisasi dan perubahan sosial yang pesat, upacara, seperti *papaakan bambarayon* berhadapan dengan pelbagai cabaran. Isu utamanya ialah generasi muda hilang sumber autentik tentang nilai kesyukuran, gotong-royong, saling menghormati dan semangat kekitaan yang ada dalam warisan budaya tersebut sekiranya tindakan proaktif tidak dilakukan. Mohd. Ali Iksan (2010), mendakwa bahawa generasi masa kini lebih cenderung terpengaruh dengan gaya hidup moden, berhijrah ke bandar, serta mengutamakan pendidikan formal sehingga menjauhkan dirinya dengan pengalaman budaya tradisional. Sekiranya keadaan ini tidak ditangani secara proaktif, warisan budaya tersebut berisiko terhakis dan dilupakan oleh generasi akan datang. Oleh itu, usaha perlu dilakukan untuk melestarikan tradisi ini. Dokumentasi melalui rakaman video, fotografi dan penulisan menjadi langkah penting bagi memastikan *papaakan bambarayon* terus dikenali oleh generasi muda. Selain itu, pelibatan institusi pendidikan untuk merancang program yang berkaitan dengan warisan budaya membantu memperkenalkan nilai budaya secara lebih sistematik. Penggunaan teknologi moden, seperti animasi dan bahan interaktif juga membuka ruang inovatif bagi usaha memelihara tradisi ini agar selari dengan perkembangan semasa (Ifwat Amzar & Hairulliza Mohamad, 2019).

Secara keseluruhan, *papaakan bambarayon* bukan sahaja penting dalam konteks komuniti Kadazandusun, tetapi juga menyumbang kepada kepelbagaian warisan budaya di Malaysia. Upacara ini membuka ruang kepada dialog budaya antara masyarakat, pelancong dan pengkaji budaya, sekali gus memupuk sikap saling menghormati dan memahami antara etnik. Oleh itu, tradisi ini wajar dipelihara

dan didokumentasikan sebagai aset budaya negara yang penting untuk diwariskan kepada generasi akan datang.

KAJIAN LEPAS

Upacara tradisional merupakan manifestasi nilai, kepercayaan dan struktur sosial sesebuah komuniti. Menurut Geertz (1973), ritual dan simbol budaya berfungsi sebagai sistem makna yang membantu individu memahami dunia, membimbing tingkah laku dan memperkukuh identiti sosial masyarakat. Dalam konteks masyarakat peribumi, seperti Kadazandusun, upacara *papaakan bambarayon* bukan sahaja berkait dengan kitaran pertanian, tetapi menjadi medium penyatuan dalam kehidupan berkumuniti. Kenyataan ini disokong oleh Bibiana dan Noria Tugang (2016), yang menjelaskan bahawa ritual *miring* dalam kalangan masyarakat Iban dilakukan bagi mempersembahkan makanan kepada *Petara* untuk memohon keberkatan, perlindungan dan kesejahteraan komuniti. Ritual ini juga dilakukan sebelum aktiviti penting atau selepas berlakunya malapetaka. Penemuan ini selari dengan kajian Julita Norjietta et al. (2024), yang menegaskan bahawa masyarakat Kadazandusun masih bergantung pada amalan warisan lisan, seperti mantera dan upacara sebagai mekanisme sosial yang menghubungkan manusia dengan alam dan komuniti.

Dalam kosmologi Kadazandusun, *bambarayon* dipercayai sebagai semangat padi yang membawa kesuburan dan hasil pertanian yang baik. Donney Fred Desmond dan Norjietta (2018) menyatakan bahawa kepercayaan terhadap semangat padi mencerminkan pandangan hidup masyarakat tradisional yang menekankan keharmonian antara manusia dengan alam. Minah Sintian (2025) pula mengaitkan konsep semangat dengan unsur keramat dan penjaga alam yang perlu dihormati melalui *rinait* dan persembahan makanan. Kegagalan melaksanakan ritual yang betul dipercayai dapat menyebabkan berlakunya musibah, seperti kemarau atau kegagalan hasil tanaman. Oleh itu, *papaakan bambarayon* merupakan satu daripada kearifan tempatan yang dikenal pasti dapat menyeimbangkan keharmonian antara alam dengan manusia.

Ritual juga berperanan penting dalam membina perpaduan sosial. Durkheim (1995), menyatakan bahawa ritual kolektif memperkukuh solidariti sosial melalui tindakan simbolik yang berulang. Dalam konteks *papaakan bambarayon*, pelibatan komuniti daripada penyediaan makanan sehinggalah pengucapan *rinait* menjadikan upacara ini sebagai mekanisme penyatuan sosial. Deacon (2003) turut menegaskan bahawa warisan budaya tidak ketara, seperti upacara dan cerita lisan penting bagi mengekalkan identiti masyarakat dalam menghadapi perubahan moden.

Abdul Rahman (2024) mengkaji mengenai tradisi Mallanca menunjukkan bahawa ritual menuai berfungsi sebagai warisan budaya yang memperkukuh hubungan persaudaraan dan nilai kerohanian. Penemuan ini selari dengan *papaakan bambarayon* yang berperanan sebagai ritual pertanian dan mekanisme sosial yang mengekalkan

hubungan komuniti, nilai kesyukuran dan keharmonian antara manusia, alam dan dunia spiritual. Oleh hal yang demikian, kajian ini memperluas perbincangan Abdul Rahman (2024) untuk meneliti ritual pertanian berasaskan kosmologi tempatan sebagai medium kelangsungan identiti budaya.

Vashchenko (2020) pula meneliti perayaan memetik anggur dalam kalangan komuniti Croat di Hungary melalui pendekatan etnolinguistik. Hasil dapatan menunjukkan bahawa sebahagian masyarakat menganggap perayaan tersebut sebagai tradisi baharu yang dipengaruhi oleh perubahan sosial dan budaya Hungary. Perayaan ini juga dilihat sebagai inovasi budaya yang berkembang sejak akhir abad ke-19 dan tidak sepenuhnya berakar daripada identiti etnobudaya komuniti Croat. Berbeza dengan keadaan tersebut, *papaakan bambarayon* dalam masyarakat Kadazandusun masih berfungsi sebagai ritual yang sarat dengan makna kosmologi dan spiritual, serta dihayati sebagai amalan sakral yang menghubungkan manusia dengan alam semangat padi.

Dina Khoerunnisa (2025) pula membincangkan perayaan Nampaling sebagai tradisi menuai masyarakat petani di Kampung Cikalong yang dilaksanakan setiap tahun pada bulan September. Perayaan ini menonjolkan unsur perarakan dan berfungsi sebagai simbol identiti komuniti dan tarikan pelancongan budaya. Walaupun berkait dengan musim menuai, seperti *papaakan bambarayon*, perayaan Nampaling lebih menekankan aspek visual dan pelancongan, sementara *papaakan bambarayon* lebih memfokuskan fungsi ritual yang bersifat sakral dan kosmologikal.

Sementara itu, Qin (2024) pula meneliti Festival Nadun dalam kalangan masyarakat Tu di China yang bertujuan untuk memelihara tradisi muzik rakyat dan identiti budaya komuniti. Walaupun pelaksanaan festival ini mengalami perubahan ruang daripada kawasan luar bandar ke pentas bandar, makna simbolik dan nilai warisan pertanian tetap dikekalkan. Dapatan tersebut selari dengan Chaudhuri (2022), yang mengkaji perubahan ritual Dree dalam kalangan masyarakat Apatani di Arunachal Pradesh. Ritual yang pada asalnya dilakukan secara individu oleh pemilik tanah kini berkembang menjadi perayaan komuniti berskala besar yang melibatkan persembahan budaya. Keadaan ini selari dengan *papaakan bambarayon* yang turut menghadapi perubahan sosial sesuai dengan peredaran zaman namun masih mengekalkan elemen kosmologi dan ritual sebagai teras amalan budaya.

Moscato (2019) mengkaji mengenai festival muzik *Harvest the Hope* di Amerika Syarikat yang menunjukkan cara festival digunakan sebagai medium komunikasi simbolik dalam aktivisme alam sekitar. Walaupun berbeza konteks, penggunaan simbol dan tindakan kolektif dalam festival ini mempunyai persamaan konseptual dengan *papaakan bambarayon* bagi membina naratif dan kefahaman bersama tentang hubungan antara manusia dengan alam. Walau bagaimanapun, *papaakan bambarayon* berfungsi sebagai ritual sakral yang tidak melibatkan mobilisasi politik. La Haruddin et al. (2025) pula mengkaji mengenai masyarakat Muna di Indonesia yang menunjukkan bahawa kearifan tempatan, seperti sistem kerjasama petani

dan pesta menuai berperanan penting bagi memastikan keselamatan makanan dan kelestarian pertanian. Penemuan ini sejajar dengan fungsi *papaakan bambarayon* yang membina solidariti komuniti dan mengekalkan hubungan harmonis antara manusia dengan alam.

Seterusnya, Guruh Ryan Aulia dan Lindi Aulia Putri (2025) pula mendapati bahawa perayaan menuai di Kampung Bialo berfungsi sebagai medium perpaduan sosial, ekspresi kesyukuran dan pewarisan nilai budaya kepada generasi muda. Penemuan tersebut selari dengan dapatan Harmi et al. (2025), yang meneliti tradisi *Mappadendang* dalam masyarakat Bugis yang berfungsi sebagai ritual kesyukuran terhadap hasil tuaian dan medium interaksi sosial komuniti. Tradisi itu mempunyai persamaan dengan *papaakan bambarayon* dari segi struktur ritual dan kepentingan adat, namun *papaakan bambarayon* menonjolkan dimensi kosmologi yang lebih kuat melalui kepercayaan terhadap semangat padi dengan perantaraan antara/dengan *bobolian* penggunaan *rinait*. Sementara itu, Van Beeck et al. (2025) menjelaskan bahawa tradisi *Kimchi Kimjang* di Korea menekankan peranan kerjasama komuniti dalam proses penyediaan makanan dan pemindahan pengetahuan budaya. Walaupun fokusnya berkaitan dengan makanan berfermentasi, kajian tersebut menunjukkan bahawa tindakan kolektif dalam tradisi makanan turut memperkukuh identiti budaya, sama seperti penyediaan makanan dalam *papaakan bambarayon* yang menjadi medium komunikasi simbolik dengan semangat padi dapat memperkukuhkan identiti budaya pengamalinya.

Secara keseluruhan, kajian lepas menunjukkan bahawa ritual pertanian berfungsi sebagai medium pewarisan budaya, pembinaan identiti komuniti dan pengukuhan hubungan sosial dalam masyarakat agraria. Walaupun banyak kajian membincangkan perayaan menuai dan ritual pertanian, namun kebanyakan kajian lebih menumpukan pada aspek perayaan komuniti, perubahan sosial dan pemeliharaan identiti budaya. Oleh itu, kajian ini berusaha untuk mengisi jurang tersebut dengan meneliti makna dan fungsi simbolik *papaakan bambarayon* secara holistik dari sudut kepercayaan kosmologi masyarakat Kadazandusun.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan tujuan untuk memahami makna dan fungsi upacara *papaakan bambarayon* secara mendalam dari perspektif komuniti Kadazandusun di lokasi kajian. Pendekatan ini dipilih kerana sesuai untuk meneliti fenomena budaya yang berasaskan pengalaman, kepercayaan dan amalan ritual. Reka bentuk kajian berasaskan pendekatan etnografi membolehkan penyelidik menelusuri aspek budaya melalui cerita lisan, amalan ritual dan pemerhatian langsung terhadap pelaksanaan upacara *papaakan bambarayon* dalam konteks kehidupan masyarakat setempat. Kaedah pengumpulan data melibatkan temu bual tidak berstruktur yang dilakukan bersama-sama dengan seorang informan wanita berumur

87 tahun. Informan tersebut dipilih kerana statusnya sebagai pengamal adat di Kampung Toboh Laut. Pemilihan informan dilakukan menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang melibatkan tokoh adat, seperti *bobolian* yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang tradisi tersebut. Selain itu, pemerhatian langsung ketika upacara dilakukan turut digunakan bagi mendokumentasikan susunan ritual, simbolisme, bahasa ritual dan interaksi sosial yang berlaku dalam kalangan ahli komuniti ketika upacara dijalankan. Data yang diperoleh dianalisis dengan menumpukan pada makna dan fungsi sosiobudaya upacara tersebut. Tafsiran data dilakukan berdasarkan kesepakatan makna yang dikemukakan oleh informan dan pemerhatian kontekstual terhadap amalan ritual yang masih diamalkan oleh komuniti Kadazandusun di lokasi kajian. Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengaitkan aspek simbolik dan sosial *papaakan bambarayon* dengan nilai perpaduan, kesyukuran dan kelestarian budaya masyarakat Kadazandusun (Nik Hazimah Nik Mat et al., 2021).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Penyediaan Daun Pembungkus Nasi

Sebelum pelaksanaan upacara *papaakan bambarayon*, keluarga petani yang terlibat akan mengambil daun untuk membungkus nasi yang digunakan ketika upacara. Daun yang dipilih terdiri daripada daun yang tidak berbulu, tidak beracun dan berbau harum. Antara daun yang biasa digunakan ialah daun *padaahan*, *wongian*, *sagar-sagar*, *tintap*, *doringin*, *timadang* dan daun lain yang tidak beracun. Daun pembungkus nasi ini biasanya diambil sehari sebelum upacara tersebut bagi mengelakkan daun tersebut daripada layu atau rosak. Pemilihan daun ini mempunyai maksud yang mendalam bagi masyarakat Kadazandusun. Daun ini berfungsi sebagai pembungkus *kokori* atau bekalan ketika upacara *kokorihan*, iaitu untuk memberikan bekalan kepada *bambarayon* pada akhir upacara *papaakan bambarayon*.



Rajah 1 Informan sedang mengambil daun *padaahan* untuk membungkus nasi. (Sumber: Kajian lapangan pengkaji Constantine Walter, 2025).

Penyembelihan Ayam

Pada hari upacara *papaakan bambarayon* dilakukan, *bobolian* terlebih dahulu memilih ayam betina berwarna putih atau dikenali sebagai *kombura*. Menurut informan, warna putih melambangkan kesucian, kedamaian dan kesejahteraan, sekaligus mencerminkan niat yang bersih bagi memohon keberkatan hasil tuaian. Persembahan ayam putih dianggap sebagai lambang penghormatan kepada *bambarayon* dan medium simbolik untuk mewujudkan keharmonian antara manusia, alam dan alam spiritual. Walau bagaimanapun, berdasarkan temu bual dengan informan, penggunaan ayam yang berlainan warna dan ayam jantan dibenarkan sekiranya ayam putih tidak diperoleh. Hal ini menunjukkan bahawa nilai utama ritual tersebut bukan terletak pada warna ayam semata-mata, tetapi pada keikhlasan persembahan, pematuhan terhadap aturan adat dan penghormatan yang diberikan kepada *bambarayon* mengikut amalan tradisi masyarakat Kadazandusun. Pemilihan ayam ini dilakukan pada awal pagi sebelum kerja-kerja seterusnya dilakukan. *Bobolian* menyembelih ayam tersebut sambil mengamati darah ayam yang disembelih itu. Proses ini dinamakan sebagai *mongintutun*. Sekiranya darah ayam yang disembelih itu banyak, hal itu merupakan petanda bahawa hasil padi pada musim seterusnya bertambah banyak. Begitu pula sebaliknya, sekiranya darah ayam yang disembelih sedikit, maka hal itu merupakan petanda bahawa hasil tuaian padi pada musim berikutnya adalah sedikit.



Rajah 2 Informan menyembelih ayam seterusnya melakukan *proses mongintutun*. (Sumber: Kajian lapangan pengkaji Constantine Walter, 2025).

Selepas proses *mongintutun* selesai dilakukan, ayam tersebut akan dibersihkan sebagai persediaan untuk dimasak. Proses pembersihan ini melibatkan pencabutan semua bulu dan selaput kaki ayam, sementara paruh dan kuku ayam tidak dipotong. Ayam tersebut dibelah untuk mengeluarkan usus dan organ dalaman sebelum

dibersihkan dengan teliti. Organ dalaman, seperti jantung, paru-paru, mempedal dan usus kemudiannya dimasukkan semula ke dalam tubuh ayam selepas proses pembersihan selesai. Ayam tersebut kemudian dimasak secara utuh tanpa ditetak atau dipotong. Menurut informan, amalan ini bertujuan untuk mengekalkan keutuhan persembahan kepada semangat padi, iaitu *bambarayon* sebagai simbol kesempurnaan dan penghormatan dalam upacara *papaakan bambarayon*. Informan juga menyatakan bahawa sekiranya organ dalaman ayam tersebut dibuang, ketua upacara akan diberikan teguran oleh *bambarayon*, seperti mengalami sesak nafas, mimpi buruk atau tidak sihat selepas upacara tersebut selesai.

Masyarakat Kadazandusun tradisional percaya bahawa kesempurnaan fizikal ayam melambangkan keikhlasan dan penghormatan yang sepenuhnya kepada *bambarayon*. Sebaliknya, ayam yang kehilangan organ dalaman disamakan dengan *sinangod* (haiwan buruan yang tidak disembelihkan secara beradab; tafsiran *sinangod* secara harfiah adalah dipenggal), sekali gus dianggap tidak layak dijadikan persembahan ritual. Menurut kepercayaan masyarakat pengamal, persembahan yang tidak sempurna dapat menimbulkan ketidakseimbangan hubungan antara manusia dengan *bambarayon*. Keadaan ini dipercayai mengundang pelbagai musibah terhadap individu atau komuniti, seperti penyakit yang dikaitkan secara simbolik dengan anggota ayam yang hilang, contohnya sakit kepala apabila kepala ayam tidak disertakan atau sakit perut apabila usus ditiadakan. Dari perspektif kosmologi Kadazandusun, kepercayaan tersebut menegaskan prinsip bahawa persembahan yang lengkap akan dibalas dengan keberkatan, manakala persembahan yang tidak sempurna dipercayai membawa kesan yang tidak baik terhadap kesejahteraan pengamal. Oleh itu, sekiranya pantang larang ini dilanggar, masyarakat akan mengadakan upacara *sogit* sebagai ritual pendamaian dengan mempersembahkan seekor ayam yang sempurna kepada *bambarayon*. Ritual ini bertujuan untuk memohon keampunan, memulihkan keseimbangan hubungan dengan alam spiritual dan mengelakkan gangguan yang dipercayai dapat menjejaskan kesejahteraan komuniti dan hasil tanaman.

Membungkus Nasi dan Penyediaan Tapai

Sementara menunggu ayam masak, persembahan kepada *bambarayon* disediakan. Antara makanan dan peralatan yang dipersembahkan ialah nasi bungkus, telur ayam rebus, tapai, garam, tembakau, mangkuk dan gelas. Nasi dibungkus menggunakan daun yang diambil beberapa hari sebelumnya. Tapai disediakan mengikut kebiasaan setempat, iaitu dibuat lebih kurang dua atau tiga bulan sebelum upacara *papaakan bambarayon* diadakan. Tapai tersebut dimasukkan ke dalam tajau. Pada hari kejadian, air putih yang sudah dimasak dan disejukkan dimasukkan ke dalam tajau. Semua peralatan dan persembahan ini kemudiannya disusun dengan rapi bagi memastikan tiada bahan atau kelengkapan yang tertinggal ketika upacara dijalankan.



Rajah 3 Proses membungkus nasi. (Sumber: Kajian lapangan pengkaji Constantine Walter, 2025).



Rajah 4 Proses menyediakan tapai. (Sumber: Kajian lapangan pengkaji Constantine Walter, 2025).



Rajah 5 Persembahan makanan dan minuman kepada semangat padi. (Sumber: Kajian lapangan pengkaji Constantine Walter, 2025).

Ketika Upacara *Papaakan Bambarayon*

Selepas semua peralatan dan persembahan disediakan, upacara *papaakan bambarayon* dilakukan. Dalam perjalanan upacara ini, hanya *bobolian* dibenarkan masuk dalam *sulap* untuk menyampaikan persembahan kepada *bambarayon*. *Bobolian* berada

dalam *sulap* kira-kira setengah jam bagi memberi peluang kepada *bambarayon* untuk menyantap persembahan yang telah disediakan. Ketika upacara *papaakan bambarayon* berlangsung, *bobolian* meletakkan persembahan tersebut di atas *dangkob* atau kepuk padi sambil membacakan mantra *papaakan bambarayon*. *Bobolian* mempersilakan semangat padi hadir untuk menyantap segala persembahan makanan yang disediakan. Pada masa kajian ini dilakukan, *dangkob* sudah tidak ada di dalam *sulap*. Oleh itu, segala persembahan hanya diletakkan di atas karung padi sementara *bobolian* duduk di ruang yang tersedia di dalam *sulap* untuk melaksanakan upacara tersebut.



Rajah 6 Informan menyediakan persembahan kepada semangat padi. (Sumber: Kajian lapangan pengkaji Constantine Walter, 2025).

Ketika berada di dalam *sulap*, *bobolian* duduk dengan tertib sambil memanggil *sunduan bambarayon* atau semangat padi. Pemerhatian pengkaji terhadap upacara *papaakan bambarayon* memperlihatkan bahawa setiap tindakan, pakaian dan alat yang digunakan sarat dengan simbolisme dan fungsi sosial. *Bobolian* duduk bersila di *sulap* sambil melafazkan *rinait*. Duduk bersila membawa makna kerendahan hati, kestabilan dan fokus rohani. *Gesture* ini menandakan kesiapsiagaan *bobolian* untuk menjadi perantara antara manusia dengan makhluk tidak kelihatan. Instrumen yang digunakan, seperti sup ayam, telur, tapai dan nasi bungkus mempunyai makna simbolik masing-masing. Ayam dan telur melambangkan kesuburan, kelangsungan hidup dan keseimbangan kosmos. Tapai melambangkan keceriaan, kesyukuran dan semangat kolektif. Nasi bungkus pula merupakan tanda bersyukur kepada *Kinorohingan* (Tuhan masyarakat Kadazandusun tradisional) dan *bambarayon* atas pemberian hasil tanaman pada tuaian tahun tersebut.

Ketika bermantera, *bobolian* memanggil *bambarayon* dengan seruan *koridok* dan *korih*, yang membawa maksud yang sama, iaitu “ke marilah”. *Rinait* kemudiannya diteruskan dengan ajakan untuk makan, iaitu dengan mempersilakan *bambarayon* menyantap segala persembahan yang disediakan. Pada bahagian akhir *rinait*, *bobolian* menyampaikan pesan kepada *mungkungan do bambarayon*, iaitu ketua

kepada semangat *bambarayon*, agar memanggil semua semangat padi termasuk yang tidak sempurna, seperti pekak, sumbing, hilang arah dan buta untuk turut makan bersama-sama. Menurut perbincangan bersama dengan informan, semangat padi ini dipercayai memberikan mimpi kepada petani sebagai tanda bahawa mereka berada dalam kesusahan. Antara mimpi yang sering dialami termasuklah bencana kelaparan, banjir besar, makan tetapi tidak kenyang atau melihat kesusahan yang amat mengerikan. Mimpi tersebut dianggap sebagai petanda bahawa *bambarayon* berada dalam keadaan kelaparan. Mimpi *bambarayon* berada dalam keadaan lapar, sedih atau meminta makanan merupakan simbolik bahawa hubungan antara manusia dengan alam spiritual berada dalam keadaan tidak seimbang.

Keadaan ini dipercayai berlaku apabila *bambarayon* tidak lagi diberikan penghormatan atau penghargaan melalui ritual yang sewajarnya selepas musim menuai. Sekiranya petani mengabaikan petanda tersebut dan tidak melaksanakan upacara *papaakan bambarayon*, masyarakat percaya bahawa semangat padi akan menjadi lemah atau menjauhkan diri daripada tanaman, sekali gus menyebabkan hasil tuaian merosot dan tanaman mudah diserang penyakit atau haiwan perosak. Oleh itu, tindakan susulan yang lazim dilakukan ialah mengadakan semula upacara *papaakan bambarayon* sebagai suatu bentuk pemulihan hubungan spiritual melalui persembahan makanan dan pembacaan mantera oleh *bobolian*. Ritual ini dipercayai dapat memulihkan semula hubungan harmoni dengan *bambarayon*, memohon keberkatan terhadap tanaman dan mengembalikan kesejahteraan, serta kesuburan hasil padi pada musim yang berikutnya. Informan mendakwa bahawa semangat padi daripada petani lain yang tidak melaksanakan upacara *papaakan bambarayon*, dipercayai akan datang ke tempat petani yang sedang mengadakan upacara tersebut untuk mendapatkan makanan.

Bagi sesetengah masyarakat yang tinggal di Borneo, mimpi merupakan medium komunikasi spiritual yang sangat penting. Misalnya, masyarakat Iban di Sarawak mempercayai bahawa mimpi merupakan penghubung utama antara roh manusia di bumi dengan dewa-dewi yang tinggal di alam lain untuk menyampaikan ajaran tertentu sebelum manusia melakukan sesuatu aktiviti atau pekerjaan (Patricia et al., 2024). Seluruh penduduk rumah panjang diarahkan untuk menunggu kehadiran mimpi atau “ngedang mimpi” pada malam itu agar dapat ditafsirkan oleh pakar mimpi, seperti *lemambang*, *manang*, *tuai burung*, ketua kampung, ketua adat dan orang tua yang berpengalaman. Minah Sintian et al. (2019) juga mengakui bahawa masyarakat Kadazandusun tradisional sangat bergantung pada mimpi yang dikenali sebagai “moginipi” sebelum membuka tanah baharu untuk tujuan penanaman padi. Masyarakat Kadazandusun tradisional memohon kepada *Kinorohingan* untuk memberikan mimpi pada malam sebelum membuka tanah baharu. Masyarakat ini hanya membuka tanah tersebut sekiranya mendapat mimpi yang baik, seperti melihat batu yang keras bertindih-tindih dan mendapat ikan yang banyak sewaktu menangkap ikan. Mimpi ditafsirkan oleh orang yang arif, seperti *bobolian*, ketua adat dan orang tua yang

bijaksana. Oleh itu, mimpi dianggap sebagai medium komunikasi yang paling penting, khususnya dalam kalangan petani sebagai panduan untuk membuat keputusan yang berkaitan dengan amalan pertanian dan pelaksanaan ritual. Bait-bait mantera yang diungkapkan oleh *bobolian* ketika upacara memberikan makanan kepada semangat padi ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Mantera panggilan dan pemakluman yang disampaikan oleh *bobolian* kepada *bambarayon* (*Rinait Papaakan Bambarayon*).

Bahasa Kadazandusun	Terjemahan bebas bahasa Melayu
<i>Koridok, koridok, koridok kou bambarayon</i>	Mari, mari, marilah semangat padi
<i>Korihi, korihi, korihi kou pokotiru</i>	Ke sini, ke sini, ke sinilah pengamat
<i>Ii bambarayon ii guas do parai</i>	Semangat padi di pangkal padi
<i>Ii pokotiru ii puun do bilod</i>	Pengamat di pokok padi
<i>Ii bambarayon di nokoodop</i>	Semangat padi yang tertidur
<i>Ii pokotiru do nokoolong</i>	Pengamat yang terlena
<i>Ii nokoinsodu'</i>	Yang menjauh
<i>Ii nokotulud</i>	Yang terbang
<i>Ii nokoponiu</i>	Yang melayang
<i>Koridok, koridok, korihi, korihi</i>	Mari, mari, ke sini, ke sini
<i>Bambarayon doid dangkob,</i>	Semangat padi dalam kepuk
<i>Pokotiru do dorutip,</i>	Pengamat pada lumbung
<i>Ongoi kou po akan</i>	Pergilah makan
<i>Ongoi kou po utut</i>	Ke marilah menyantap
<i>Dia manuk o takanon, ilo buyu, hondia</i>	Ini ada ayam untuk dimakan, ini unggas, nah
<i>Dia kinomol do inumon, hudi suup, iti napa</i>	Ini tapai untuk diminum, ini sup, ini lauk
<i>Dia tusi, hoondia tinggat</i>	Ini garam, ini tembakau
<i>Dia tontolu</i>	Ini telur
<i>Koridok, koridok, korihi, korihi</i>	Mari, mari, ke sini, ke sini
<i>Ii bambarayon do molohing</i>	Moyang kepada semangat padi
<i>Ii pokotiru do mungkungan</i>	Leluhur kepada pengamat
<i>Ongoi kou po akan</i>	Pergilah makan
<i>Ii nobolou, ii ohour</i>	Yang buta, yang rabun
<i>Ii bobou, ii moo'</i>	Yang bisu, yang kelu
<i>Ii nosurai, ii nasasing</i>	Yang sumbing, yang terbelah
<i>Ii bosukon, ii lunggunon</i>	Yang tuli, yang pekak
<i>Paakano no ngawi dokoyu</i>	Berilah mereka makan
<i>Doo hondii, sondiri kou mooii akan do</i>	Nah, makanlah sendiri
<i>hundiaa</i>	
<i>Haati no toomis, dia tinggat, dia tontolu,</i>	Ini tapai manis, ini tembakau, ini telur,
<i>tompuni</i>	itu telur
<i>Miagal do tontolu</i>	Seperti telur
<i>pudsuai iti dangkob do parai</i>	Penuhi ini kepuk dengan padi
<i>Irad do tompuni</i>	Umpama telur
<i>palabayo' iti dorutip do kolumaagan.</i>	Limpahi ini lumbung dengan rezeki.

(Sumber: Informan Tinggayan Godsung, 87, Kampung Toboh Laut).

Dengan berdasarkan pemerhatian pengkaji terhadap penggunaan *sulap*, *gesture bobolian* dan instrumen lain ketika upacara *papaakan bambarayon*, dapat dirasakan suasana sakral yang memperkukuh pengalaman kolektif komuniti. Selain itu, aspek ini berfungsi sebagai pengikat sosial kepada setiap individu yang terlibat dalam penyediaan ritual. Misalnya, lelaki dewasa membina *sulap*, kaum wanita menyediakan makanan dan kanak-kanak membantu orang tuanya. Fungsi lain adalah memperkukuh peranan *bobolian* sebagai pemimpin spiritual, sekali gus memastikan struktur sosial tradisional dikekalkan. Upacara ini juga berfungsi sebagai medium penyatuan komuniti secara langsung tanpa mengira usia, gender dan status sosial.

Makna Bait *Rinait Papaakan Bambarayon*

Rinait papaakan bambarayon merupakan mantera panggilan dan pemakluman yang disampaikan oleh *bobolian* kepada *bambarayon*, iaitu semangat padi sebagai tanda penghormatan, jemputan dan pengiktirafan terhadap peranan *bambarayon* bagi menjaga dan memberkati hasil padi. *Rinait* ini bukan sekadar berfungsi sebagai zikir biasa, tetapi menjadi medium komunikasi antara manusia, alam dan makhluk tidak kelihatan. Pada bahagian awal *rinait* dimulakan dengan seruan *koridok* dan *korihi*, yang membawa maksud “mari” atau “ke sinilah”. Seruan yang diulang-ulang ini melambangkan panggilan yang bersungguh-sungguh dan berunsur penegasan, namun disampaikan dengan penuh hormat agar *bambarayon* dan *pokotiru* hadir dari tempat mereka berada, sama ada di pangkal padi, di pokok padi, dalam keadaan tidur, terlena, menjauh, terbang atau melayang. Pengulangan kata yang sinonim juga mencerminkan kepercayaan bahawa semangat padi wujud dalam pelbagai keadaan dan ruang, dan perlu dipanggil secara menyeluruh agar tiada yang tertinggal. Masyarakat Kadazandusun tradisional mempercayai bahawa makhluk tidak kelihatan tidak boleh dipanggil secara kasar, sebaliknya dipanggil dengan penuh penghormatan kerana bahasa itu sendiri memiliki kuasa spiritual (Minah Sintian, 2019; 2023). Penyebutan tempat kediaman semangat padi pada baris *bambarayon doid dangkob*, *pokotiru do dorutip* menandakan kepercayaan bahawa roh padi mendiami tempat penyimpanan hasil tuaian. Makna simbolik ini adalah bahawa padi bukan sekadar komoditi pertanian, tetapi merupakan entiti budaya yang sangat signifikan dalam kepercayaan masyarakat Kadazandusun dari dulu sehingga kini.

Seterusnya, *rinait* beralih kepada jemputan untuk bersantap melalui ungkapan, seperti *ongoi kou po akan* dan *ongoi kou po utut*. Persembahan disediakan oleh petani dan *bambarayon* dipersilakan untuk menyantap makanan yang dipersembahkan, seperti ayam, tapai, telur, garam dan tembakau. Penyebutan satu persatu makanan ini melambangkan keterbukaan dan keikhlasan tuan rumah dalam berkongsi rezeki yang diterima hasil penjagaan *bambarayon* sepanjang musim menuai. Seterusnya *rinait* memberikan penekanan terhadap struktur hierarki roh, apabila *bobolian* memanggil *bambarayon do molohing* dan *pokotiru do mungkungan*, iaitu moyang dan leluhur

kepada semangat padi. Masyarakat Kadazandusun memberikan penghormatan terhadap asal usul dan susur galur semangat padi. *Rinait* ini kemudian diperluas kepada jemputan terhadap semangat padi yang tidak sempurna, seperti buta, bisu, sumbing, pekak atau hilang arah. Hal ini membawa makna bahawa upacara *papaakan bambarayon* bersifat inklusif dan berperikemanusiaan, iaitu tidak menolak mana-mana semangat padi yang kurang sempurna daripada menerima hak untuk makan makanan dan perhatian.

Pada bait ketiga baris kesepuluh, terdapat frasa *bobolian* mempersilakan semangat padi untuk makan sendiri. Hal ini melambangkan penyerahan dan keikhlasan sepenuhnya manusia kepada makhluk tidak kelihatan. Manusia telah melaksanakan tanggungjawabnya melalui pemberian persembahan dan doa, manakala kesejahteraan hasil padi seterusnya diserahkan kepada kebijaksanaan dan keredaan *bambarayon*. *Bobolian* mengungkapkan mantera agar *dangkob* atau *dorutip* dipenuhi dengan hasil padi, seperti keadaan sebiji telur. Informan menyatakan bahawa kepuk atau lumbung dianalogikan sebiji telur kerana sifatnya yang berpotensi untuk menetasakan makhluk hidup. Dalam masyarakat Kadazandusun, telur melambangkan permulaan kehidupan, iaitu fasa awal sebelum terbentuknya seekor anak ayam atau makhluk lain. Telur juga merupakan simbolik proses perubahan daripada keadaan yang belum wujud kepada bentuk kewujudan kehidupan yang lain. Telur turut mencerminkan kesuburan, kelangsungan generasi dan kitaran kehidupan yang berterusan. Sama seperti sebutir padi yang berpotensi menghasilkan tuaian yang berlipat kali ganda, demikian juga sebutir telur melambangkan harapan terhadap pertumbuhan, pembaharuan dan kesinambungan kehidupan. Oleh itu, telur dijadikan sebahagian daripada persembahan dalam upacara *papaakan bambarayon* yang berfungsi sebagai makanan fizikal dan spiritual para petani.

Secara keseluruhan, *rinait papaakan bambarayon* mencerminkan pandangan hidup masyarakat Kadazandusun yang menekankan keseimbangan antara manusia, alam dan makhluk tidak kelihatan. Upacara ini bukan sekadar amalan biasa dalam pertanian, tetapi merupakan bentuk penghargaan, komunikasi dan etika spiritual bagi memastikan keharmonian dan kelangsungan hidup kepada semua pihak.

***Mongokori* atau Memberikan Bekalan**

Selepas *bobolian* selesai memberikan makanan kepada *bambarayon*, barulah ahli keluarga dan rakan dibenarkan masuk ke dalam *sulap* untuk makan bersama-sama. Upacara ini dikenali sebagai *mongokori* yang membawa maksud memberikan bekalan. Secara simboliknya, upacara ini melambangkan pemberian bekalan makanan kepada *bambarayon*. Dalam upacara *mongokori*, petani melalui perantaraan *bobolian* menyampaikan perintah dan nasihat kepada *bambarayon* agar menjaga hasil padi daripada gangguan semangat yang bersifat merosakkan.

Perintah ini bukan sekadar bersifat arahan, tetapi merupakan suatu bentuk rundingan kosmologi yang menegaskan hubungan timbal balik antara manusia dengan alam spiritual. Pemberian bekal makanan kepada *bambarayon* pula membawa makna simbolik yang mendalam, iaitu sebagai tanda ihsan, penghormatan dan pengiktirafan terhadap kehadiran makhluk tidak kelihatan dalam kehidupan manusia. Bekal ini bukan sahaja ditujukan kepada semangat yang kuat dan sempurna, tetapi juga kepada semangat yang dianggap tidak sempurna, seperti bisu, tuli, dan sumbing. Tindakan ini mencerminkan nilai inklusif dan belas ihsan dalam kosmologi Kadazandusun yang menegaskan bahawa semua entiti, tanpa mengira keadaan, berhak dihormati dan diberikan tempat. Dengan cara ini, *kokorihan* berfungsi sebagai mekanisme spiritual untuk memastikan keharmonian alam, keberhasilan tanaman padi dan kesejahteraan komuniti petani.

Dalam upacara *mongokori*, *bobolian* menyampaikan beberapa pesanan kepada *bambarayon* agar menjaga hasil padi daripada gangguan semangat jahat yang ingin merosakkan tanaman, memberikan kesuburan dan hasil padi yang lumayan. Ketika upacara ini berlangsung, *bobolian* mengambil sebatang kayu kecil dan mengibaratkannya sebagai senjata kepada *bambarayon* untuk menentang segala semangat jahat. Semangat jahat merujuk entiti spiritual yang dipercayai membawa gangguan terhadap kesejahteraan tanaman padi dan kehidupan petani. Entiti ini tidak semestinya ditafsirkan sebagai roh yang bersifat mutlak jahat, tetapi lebih kepada kuasa atau unsur spiritual yang boleh menyebabkan ketidakseimbangan dalam hubungan antara manusia, alam dan makhluk tidak kelihatan. Gangguan tersebut dipercayai dapat dizahirkan melalui serangan hama dan perosak, pertumbuhan padi yang tidak subur, hasil tuaian yang berkurangan atau pelbagai petanda lain yang ditafsirkan sebagai gangguan terhadap *bambarayon* (Minah Sintian et al., 2019). Oleh itu, *bobolian* melafazkan *rinait* dengan menggunakan *bobobog* “kayu pemukul” sebagai perlambangan senjata ritual untuk menghalau makhluk tidak kelihatan yang dianggap merosakkan, di samping memohon perlindungan daripada *bambarayon* untuk menjaga kesuburan tanaman.

Pada masa penyampaian pesanan tersebut, *bobolian* turut menyatakan kepada semangat padi yang tidak sempurna bahawa *bobolian* tidak akan menggunakan senjata *bobobog* terhadap mereka. Hal ini menunjukkan sikap tolak ansur dan belas kasihan manusia terhadap makhluk yang tidak berdaya. *Bobolian* akan menyediakan bekal kepada semangat yang tidak kelihatan dengan mengoyakkan daun pembungkus nasi kepada tiga bahagian. Sedikit nasi, isi ayam dan telur dibungkus dengan menggunakan daun. Ketiga-tiga bungkus itu kemudiannya disisipkan pada tangkai padi sebagai tanda bahawa upacara *papaakan bambarayon* telah selesai dan diteruskan dengan acara makan bersama-sama. Jadual 2 menunjukkan *rinait mongokori* yang dilantunkan oleh *bobolian* kepada *bambarayon*.

Jadual 2 *Rinait mongokori* yang dilantunkan oleh *bobolian* kepada *bambarayon*.

Rinait Mongokori	Mantera Memberikan Bekal
<i>Hundia bobobog, babadas</i>	Inilah pemukul, alat penghantam
<i>Haro nopo mooi ilang bambarayon do wokon</i>	Sekiranya ada semangat padi orang lain
<i>Ii manakau, ii monimbol</i>	Yang mencuri, merompak
<i>om dia bobobog</i>	Inilah pemukul
<i>Bobogon, badason</i>	Pukullah, rotanlah
<i>Tonduson, barambagon</i>	Lembinglah, bujaklah
<i>Paparaat dooti parai, papaapol</i>	Yang boleh merosakkan padi, hampas
<i>om popotuu',</i>	Yang mengeringkan tanaman,
<i>dia bobobog.</i>	inilah pemukulnya.
<i>Nga ii nopo bambarayon di osonong</i>	Untuk bambarayon yang baik
<i>ii poposuni parai, ii popogumu</i>	Yang menumbuhkan, yang memberikan hasil
<i>nga hition ku bobobog</i>	Aku letakkan pemukul ini
<i>Iyon kou no hiti linimput</i>	Tinggallah di ruang ini
<i>om paakanon no dokoyu</i>	Berilah mereka makan
<i>Dia kokori, hundia kokori</i>	Ini bekalan, itu juga bekalan
<i>Kokorihan no ngawi</i>	Berilah bekalan kepada semuanya
<i>ii molohing, ii mungkungan</i>	Kepada moyang, kepada leluhur
<i>ii tanak, kokorihan no ngaawi.</i>	Kepada anak-anak, berikanlah mereka bekalan.

(Sumber: Informan Tinggayan Godsung, 87, Kampung Toboh Laut).



Rajah 7 *Bobolian* membungkus nasi, ayam, dan telur semasa *mongokori*. (Sumber: Kajian lapangan pengkaji Constantine Walter, 2025).

Acara makan bersama-sama di dalam *sulap* diteruskan dengan dimulakan oleh *bobolian* yang mengagihkan makanan kepada semua individu yang berada di situ. Ketika makan, terdapat beberapa perkara yang perlu dipatuhi. Antaranya ialah semua orang diwajibkan *mangantalob*, iaitu menghabiskan makanan sebelum *lumabai* atau keluar dari *sulap*. Selain itu, semua peralatan yang dibawa masuk ke dalam *sulap* ketika upacara ini hendaklah ditinggalkan selama seminggu sebelum diambil semula. Amalan ini dilakukan bagi memberikan ruang dan peluang kepada *bambarayon* untuk makan dan berpesta sesamanya. Pada sesi temu bual, informan menjelaskan bahawa *bambarayon* dipercayai makan dan minum bersama-sama dengan keluarga dan rakan petani.

Masyarakat Kadazandusun mempercayai bahawa makanan, minuman tapai, tembakau dan segala persembahan yang dibawa masuk ke dalam *sulap* dikatakan mempunyai aura dan rasa yang lebih kuat. Hal ini dikatakan demikian kerana *sulap* merupakan tempat menyimpan hasil tuaian padi, sekali gus menjadi tempat tinggal *bambarayon*. Oleh itu, *sulap* dianggap sebagai ruang sakral. Ketika upacara *papaakan bambarayon* di dalam *sulap*, *bambarayon* dipercayai hadir secara spiritual untuk menerima persembahan sebelum makanan itu dinikmati oleh manusia. Makanan yang dipersembahkan dipercayai memiliki semangat padi, iaitu aura atau kekuatan spiritual yang terhasil daripada kehadiran *bambarayon*. Dari perspektif kosmologi Kadazandusun, aura tersebut bukan difahami sebagai sifat fizikal makanan, tetapi sebagai manifestasi kuasa luar biasa (*supernatural power*) yang melambangkan penerimaan persembahan oleh alam spiritual. Petani yang menikmati makanan tersebut, dipercayai turut menerima keberkatan, perlindungan dan kesejahteraan yang dikurniakan melalui hubungan harmoni antara manusia dengan *bambarayon*.

Ketika memakan makanan dan meminum minuman di dalam *sulap*, terdapat sebahagian daripada ahli keluarga dan tetamu berasa mengantuk atau mabuk. Menurut informan, keadaan mabuk itu menunjukkan bahawa *bambarayon* benar-benar hadir bersama-sama dengan masyarakat. Dipercayai bahawa *bambarayon* menerima persembahan daripada manusia dan sedang *sumuau* atau beramah mesra dengan petani dan tetamu yang hadir. Dari perspektif masyarakat pengamal, pengalaman yang sedemikian bukanlah dianggap sebagai sesuatu yang memudaratkan, sebaliknya merupakan petanda bahawa upacara diterima dan keberkatan akan mengiringi hasil tanaman padi pada musim berikutnya. Informan turut menambah bahawa sekiranya terdapat individu yang termuntah ketika berada di dalam *sulap*, hal ini dianggap sebagai petanda yang baik, iaitu hasil padi pada musim berikutnya menjadi lebih banyak.



Rajah 8 Upacara makan bersama-sama didahului oleh *bobolian*. (Sumber: Kajian lapangan pengkaji Constantine Walter, 2025).



Rajah 9 Pengkaji makan bersama-sama di dalam *sulap*. (Sumber: Kajian lapangan pengkaji Constantine Walter, 2025).

Setelah upacara selesai, individu yang berada di dalam *sulap* akan *lumabai* untuk meneruskan acara seterusnya, iaitu minum minuman social, seperti tapai dan makan bersama-sama di tempat yang sesuai. Tuan rumah yang mengadakan upacara *papaakan bambarayon* juga menyediakan *kokori* atau bekalan makanan kepada rakan yang hadir untuk dibawa pulang ke rumah masing-masing. Hal ini dikatakan demikian kerana *naansakan bambarayon* atau masakan semangat padi ketika upacara *papaakan bambarayon* dianggap sebagai masakan istimewa yang tidak disediakan pada hari-hari biasa. Perkongsian makanan ini juga melambangkan kesyukuran dan penghargaan atas hasil padi yang diperoleh pada tahun tersebut.

Makna Bait *Rinait Mongokori*


Rinait Mongokori merupakan mantera penutup dalam rangkaian upacara *papaakan bambarayon* yang berfungsi sebagai pemberian bekalan dan penetapan batas antara semangat yang baik dengan semangat yang jahat. Melalui *rinait* ini, *bobolian* menyatakan dengan jelas peranan *bambarayon* sebagai penjaga hasil padi dan memberikan kuasa simbolik untuk melindungi tanaman daripada gangguan yang merosakkan. Bahagian awal *rinait* memperkenalkan *bobobog* atau pemukul sebagai lambang senjata perlindungan. Pemukul ini bukan bertujuan untuk menyerang secara

sembarangan, tetapi digunakan khusus untuk menentang semangat yang mencuri, merompak atau merosakkan tanaman padi. Ungkapan perintah, seperti “pukullah”, “rotanlah”, “lembinglah” dan “bujaklah” mencerminkan autoriti ritual *bobolian* bagi menetapkan tindakan terhadap semangat jahat yang mengancam kesejahteraan padi. Namun demikian, *rinait* ini dengan jelas membezakan antara semangat jahat dengan semangat yang baik.

Bambarayon yang baik merupakan semangat padi yang membantu pertumbuhan padi dan memberikan hasil yang lumayan. *Bobolian* tidak akan mengangkat senjata, sebaliknya akan mempersembahkan makanan dan bekalan, serta mempelawa keluarga *bambarayon* untuk tinggal bersama-sama dengan petani. Menurut informan, kesejahteraan dunia nyata tidak hanya bergantung pada usaha fizikal petani, tetapi turut dipengaruhi oleh keharmonian hubungan antara manusia dengan alam spiritual. Maka, tindakan *bobolian* memohon perlindungan daripada semangat yang baik dan menghalau semangat yang bersifat destruktif mencerminkan keyakinan bahawa kuasa luar biasa berperanan untuk mengekalkan keseimbangan kosmos. Masyarakat Kadazandusun tradisional mempercayai bahawa ritual ini bukan sekadar amalan mistik, tetapi merupakan amalan saling menyantuni antara makhluk kelihatan dengan makhluk tidak kelihatan untuk kelangsungan hidup bersama-sama (Minah Sintian, 2023).

Amalan memberikan *kokori* atau bekalan merupakan simbol keikhlasan dan tanggungjawab manusia untuk berkongsi rezeki antara sesama manusia dengan makhluk lain. Seruan untuk memberikan bekalan kepada semua kategori, seperti kepada makhluk tidak kelihatan, para leluhur, golongan orang tua dan muda, mencerminkan sifat inklusif upacara ini, iaitu tiada makhluk yang dikecualikan daripada perhatian dan penghormatan. *Rinait mongokori* menzahirkan pandangan hidup masyarakat Kadazandusun yang menekankan keseimbangan, keadilan dan hubungan saling bergantung antara manusia, alam dan alam roh. Upacara ini menutup ritual *papaakan bambarayon* dengan satu ikrar simbolik bahawa manusia melaksanakan tanggungjawabnya melalui persembahan, perlindungan dan penghargaan agar hasil padi terus terpelihara dan diberkati.

Kerangka pemikiran Rajah 10 merupakan rumusan dapatan dan implikasi kajian tentang upacara *papaakan bambarayon*. Perjalanan persediaan dan pelaksanaan upacara tersebut melahirkan semangat kerjasama, kesyukuran, keharmonian, saling menghormati, ketepatan masa antara sesama manusia dengan makhluk tidak kelihatan. Instrumen, bahasa mantera dan *gesture bobolian* merupakan medium yang bermakna dan berfungsi secara simbolik untuk mewujudkan kelestarian alam kelihatan dan tidak kelihatan, serta penerapan nilai kemanusiaan dan spiritual dalam dunia sejagat. Tuntasnya, upacara *papaakan bambarayon* merupakan warisan budaya tidak ketara sebagai identiti budaya dan peneguhan jati diri masyarakat Kadazandusun.



Rajah 10 Kerangka pemikiran upacara *Papaakan Bambarayon*.

KESIMPULAN

Persediaan dan pelaksanaan upacara *papaakan bambarayon* di Kampung Toboh Laut, Keningau bermula dengan penyediaan daun pembungkus nasi, pemilihan dan penyembelihan ayam, pembungkusan nasi dan penyediaan tapai. Selepas semua peralatan disediakan, *bobolian* masuk ke dalam *sulap* untuk melakukan upacara memberikan persembahan kepada *bambarayon* dan *mongokori* dengan diikuti lantunan dua mantra dan pesanan kepada *bambarayon*. Acara makan bersama-sama dengan ahli keluarga dan rakan taulan diadakan selepas *bobolian* selesai melakukan upacara tersebut. Ketika makan, *bobolian* turut menyampaikan beberapa pesanan kepada orang yang berada di dalam *sulap*. Pelaksanaan upacara ini bukan sahaja mengekalkan hubungan spiritual masyarakat dengan semangat padi yang dipercayai sebagai pelindung dan pemberi rezeki hasil tanaman, malah turut mengukuhkan jaringan sosial melalui amalan gotong-royong, sikap saling menghormati dan tanggungjawab kolektif dalam kalangan masyarakat setempat. Proses persediaan dan pelaksanaan upacara melibatkan penyertaan aktif seluruh lapisan masyarakat tanpa

mengira umur, jantina dan status sosial. Aktiviti penyediaan makanan dan minuman persembahan, masuk ke *sulap*, serta pembacaan *rinait* oleh *bobolian* dilakukan secara bersama-sama. Amalan kolektif ini bukan sahaja mencerminkan kerjasama komuniti, malah berfungsi sebagai ruang sosial untuk mengeratkan hubungan silaturahim, memindahkan pengetahuan adat dan memupuk rasa kekitaan yang mendalam dalam kalangan masyarakat Kadazandusun. Kajian ini signifikan bagi memelihara dan melestarikan warisan budaya tidak ketara dengan mendokumentasikannya secara sistematik sebagai sumber rujukan akademik. Selain itu, kajian ini juga memberikan implikasi terhadap pembangunan pelancongan budaya yang berteraskan nilai-nilai tempatan. Kesimpulannya, *papaakan bambarayon* bukan hanya relevan dari sudut kepercayaan dan pertanian, tetapi turut berperanan penting bagi pembentukan komuniti yang bersatu padu, berdaya tahan dan berakar kukuh dalam tradisi. Upacara ini mencerminkan keperluan mengekalkan keseimbangan antara pemeliharaan adat warisan dengan realiti kehidupan moden demi kelangsungan identiti budaya masyarakat Kadazandusun di Kampung Toboh Laut khususnya dan seluruh masyarakat Kadazandusun di Malaysia amnya.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Constantine Walter: Pengumpulan data, penginterpretasian hasil, penulisan makalah, pembaikan manuskrip; Minah Sintian: Penulisan makalah, Penyediaan makalah, penyediaan makalah akhir, semakan, pengesahan makalah akhir, penghantaran manuskrip akhir, pembaikan manuskrip; Julita Norjietta Taisin: konsep dan reka bentuk kajian.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

1. Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.
2. Data yang menyokong kajian ini tersedia daripada pengarang koresponden [Constantine Walter & Minah Sintian], atas permintaan.

PERISYTIHARAN

Konflik Kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Bibiana Motey Anak Bilon@Senang, Noria Tugang. (2016). Ritual Miring dalam masyarakat Iban di Sarawak. International Seminar on the Heritage and Folklore of the Malay Archipelago. https://www.researchgate.net/publication/322695932_RITUAL_MIRING_DALAM_MASYARAKAT_IBAN_DI_SARAWAK
- Chaudhuri, P. R. (2022). In-between sound and landscape: Intercommunity innovations and sustainability through Dree Festival among the Apatani people of Arunachal Pradesh. *Man, Environment and Society*, 3(1), 1–21. <https://doi.org/10.47509/mes.2022.v03i01.01>
- Deacon, H. (2003). *Convention for the safeguarding of the intangible cultural heritage*. UNESCO. <https://ich.unesco.org/doc/src/15164-EN.pdf>.
- Dina Khoerunnisa. (2025). Analisis proses festival Nampaling di Desa Cikalong Kecamatan Sidamulih Kabupaten Pangandaran. *Jurnal Ilmu Sosial, Humaniora dan Seni*, 4(1), 44–46. <https://doi.org/10.62379/jishs.v4i1.3421>
- Donney Fred Desmond, & Norjietta Julita Taisin. (2018). Pengetahuan lokal dalam pertanian masyarakat Kadazandusun di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(3), 122–130. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v3i3.114>
- Durkheim, É. (1995). The elementary forms of religious life (K. E. Fields, Trans.). The Free Press. https://monoskop.org/images/a/a2/Durkheim_Emile_The_Elementary_Forms_of_Religious_life_1995.pdf
- Geertz, C. (1973). Thick description: Toward an interpretive theory of culture. Dalam The interpretation of cultures (hlm. 3–30). Basic Books. https://hci.stanford.edu/courses/cs376/private/readings/geertz_thick_description.pdf
- Guruh Ryan Aulia, & Lindi Aulia Putri. (2025). Mappadekko: Studi atas tradisi pesta panen di Desa Bialo Kabupaten Bulukumba. *IJTIMAIYAH: Jurnal Ilmu Sosial dan Budaya*, 9(1), 65–81. <https://doi.org/10.30821/ijtimaiyah.v9i1.24496>
- Harmi, T., Sudiana, I. G. N., & Putrawan, I. N. A. (2025). Interpretasi pendidikan agama Hindu dalam tradisi Mappadendang di Desa Lainungan, Kabupaten Sidrap, Sulawesi Selatan. *Guna Widya: Jurnal Pendidikan Hindu*, 12(1), 41–51. <https://doi.org/10.25078/gw.v12i1.4538>
- Ifwat Amzar Amirham, & Hairulliza Mohamad Judi Amirham. (2024). Pantun in the digital world: Bridging the generation gap through the educational game “Kembara Amin”. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 12(2), 57–80. <https://doi.org/10.47252/teniat.v12i2.1263>
- Jacqueline Karimon, & Shaiful Bahri Mohd. Radzi. (2021). Mitos asal-usul kosmologi Murut paluan dan Kadazandusun: Satu perbandingan. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 7(1), 16–36. <https://doi.org/10.51200/jobsts.v7i1.3600>
- Julita Norjietta Taisin, Normarini Norzan, Hasmidar Hassan, & Constantine Walter. (2024). Pengaruh kepercayaan dan kearifan tempatan terhadap amalan perubatan tradisional masyarakat Kadazandusun. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(4), 108–117. <https://doi.org/10.33306/mjssh/300>
- La Harudin, Nurmaya, & Haerudin Tao. (2025). Strategi pemberdayaan petani berbasis kearifan lokal Muna: Pendekatan sosial-budaya dalam penguatan ketahanan pangan. *Journal of Humanities, Social Sciences, and Education*, 1(6), 107–122. <https://doi.org/10.64690/jhuse.v1i6.304>

- Minah, S., Norjietta, T.b, Rosliah, K., & Novi, S.K.I. (2019). Local wisdom in agriculture for environmental sustainability: A case study of the Dusun community. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 6(8), 117-138. https://www.ijcc.net/images/Vol6Iss8/6810_Minah_2019_E_R.pdf
- Minah Sintian. (2023). Meneroka pandangan dunia masyarakat Dusun tradisional dalam pelestarian alam sekitar melalui aktiviti penanaman padi. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 16(1), 33–56. [http://doi.org.10.37052/jm.16\(1\)no2](http://doi.org.10.37052/jm.16(1)no2)
- Minah Sintian. (2025). *Pelestarian alam, warisan budaya dan bahasa etnik Dusun*. Menuju Puncak Supply & Services.
- Mohd Ali Iksan. (2010). Pengaruh budaya hedonisme di kalangan pelajar-pelajar Islam: Kajian di SMK Tengku Idris Shah, Kapar, Klang . <https://www.proquest.com/dissertations-theses/pengaruh-budaya-hedonisme-di-kalangan-pelajar/docview/2848772710/se-2>
- Moscato, D. (2019). The metanarrative of rural environmentalism: Rhetorical activism in Bold Nebraska's Harvest the Hope. *Public Relations Inquiry*, 8(1), 23–47. <https://doi.org/10.1177/2046147X18810733>
- Nik Hazimah Nik Mat, Hayatul Safrah Salleh, Yusnita Yusof, Wan Norhayati Mohamed, & Nor Azila Mohd Noor. (2021). Panduan penyelidikan ilmiah: Kaedah dan penulisan. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Patricia Ganing, Asmiaty Amat, & R. Masri Sareb Putra. (2024). Mimpi sebagai Medium Komunikasi Spiritual dalam Masyarakat Iban. *PENDETA*, 15(2), 1–17. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.1.2024>
- Qin, Y., & Seekhunlio, W. (2024). Tu people's preservation of knowledge at the Nadun Festival in Minhe County, China. *International Journal of Education and Literacy Studies*, 12(3). <https://doi.org/10.7575/aiac.ijels.v.12n.3p.58>
- Rahman, A. (2024). Mallanca: A manifestation of community joy at the harvest festival in Ajang Pulu Village, Bone Regency. *Formosa Journal of Sustainable Research*, 3(5), 1051–1062. <https://doi.org/10.55927/fjsr.v3i5.9183>
- Tinggayan Godsung. (Mei 2025). Temu bual penyelidikan dengan Constantine Walter. Kampung Toboh Laut, Keningau, Sabah.
- Tomy Wijaya, Siska Amelia, & Farida Ratu Wargadalem. (2025). Kearifan lokal: Peranan Tari Kebagh dalam membentuk identitas budaya suku Besemah. *JAWI: Journal of Southeast Asia Islamic Contemporary Issues*, 8(1), 61–76. <https://doi.org/10.24042/00202582720900>
- Van Beeck, W., Eilers, T., Smets, W., Delanghe, L., Vandenheuvel, D., Tuyaerts, I., Van Malderen, J., Ahannach, S., Michiels, K., Dricot, C., Van de Vliet, N., Huys, A. J., De Boever, P., & Lebeer, S. (2025). Sonmat, a citizen-science enabled Kimjang kimchi case study on associations between hand and kimchi microbiota. *Microbiology Spectrum*, 14(2). <https://doi.org/10.1128/spectrum.00368-25>
- Vashchenko, D. Y. (2020). Croats among Hungarians: The grape harvest festival. *Central-European Studies*, 2(11), 173–190. <https://doi.org/10.31168/2619-0877.2019.2.12>

LAMPIRAN

Jadual 3 Glosari istilah Bahasa Kadazandusun dalam upacara *papaakan bambarayon*

Bil.	Istilah Bahasa Kadazandusun	Terjemahan/Huraian Ringkas
1.	<i>papaakan bambarayon</i>	Upacara ritual memberikan makanan kepada semangat padi sebagai tanda penghormatan dan kesyukuran selepas menuai.
2.	<i>bambarayon</i>	Semangat padi yang dipercayai berjiwa dan berperanan menjaga kesuburan serta hasil tuaian.
3.	<i>pokotiru</i>	Entiti pengamat atau penjaga padi yang disebut bersama-sama <i>bambarayon</i> dalam rinait.
4.	<i>mungkungan</i>	Ketua atau leluhur kepada semangat padi.
5.	<i>molohing</i>	Moyang atau leluhur tertinggi dalam hierarki semangat.
6.	<i>kinorohingan</i>	Kuasa tertinggi atau pencipta dalam kosmologi Kadazandusun.
7.	<i>rinait</i>	Mantera atau doa ritual yang dilafazkan oleh <i>bobolian</i> semasa upacara.
8.	<i>koridok</i>	Seruan ritual bermaksud “marilah” yang dilafazkan dengan adab dan penghormatan.
9.	<i>korih</i>	Seruan ritual bermaksud “ke sinilah” atau ajakan lembut kepada roh.
10.	<i>ongoi kou po akan</i>	Ajakan ritual untuk makan.
11.	<i>ongoi kou po utut</i>	Ajakan untuk menyantap atau menikmati hidangan persembahan.
12.	<i>bobolian</i>	Tokoh ritual dan perantara spiritual antara manusia dan alam roh.
13.	<i>mongintutun</i>	Proses menilik atau mentafsir petanda melalui darah ayam korban.
14.	<i>sulap</i>	Pondok padi yang menjadi ruang sakral pelaksanaan upacara.
15.	<i>dangkob</i>	Tempat penyimpanan padi yang dipercayai didiami oleh semangat padi.
16.	<i>limput</i>	Bahagian atau kawasan padi yang disebut sebagai tempat persemayaman semangat.
17.	<i>kokori</i>	Bekalan makanan yang diberikan kepada semangat padi.
18.	<i>kokorihan</i>	Upacara lanjutan pemberian bekalan kepada semangat padi.
19.	<i>papaakan</i>	Tindakan ritual memberikan makanan kepada entiti spiritual.

Sambungan Jadual 3 Glosari istilah Bahasa Kadazandusun dalam upacara *papaakan bambarayon*

Bil.	Istilah Bahasa Kadazandusun	Terjemahan/Huraian Ringkas
20.	<i>naansakan bambarayon</i>	Masakan khas yang disediakan semasa upacara <i>papaakan bambarayon</i> .
21.	<i>mangantalob</i>	Amalan menghabiskan makanan sebelum keluar dari <i>sulap</i> .
22.	<i>lumabai</i>	Perbuatan keluar dari <i>sulap</i> selepas upacara selesai.
23.	<i>sumuau</i>	Keadaan beramah mesra dengan kehadiran semangat padi bersama-sama manusia.
24.	<i>nobolou</i>	Roh yang buta atau hilang arah.
25.	<i>bobou moo'</i>	Roh yang bisu atau kurang sempurna dalam pertuturan.
26.	<i>nosurai/nasasing</i>	Roh yang sumbing atau terbelah.
27.	<i>bosukon/lunggunon</i>	Roh yang tuli atau pekak.

Jadual 4 Simbolisme ritual dalam upacara *papaakan bambarayon*

Bil.	Simbol/Fenomena	Istilah Kadazandusun	Tafsiran Makna Simbolik	Fungsi Sosiobudaya
1.	Mimpi tentang kelaparan, bencana, makan tidak kenyang	<i>moginipi</i>	Medium komunikasi antara <i>bambarayon</i> dan petani; tanda ketidakseimbangan kosmologi	Amaran awal, legitimasi pelaksanaan ritual
2.	Darah ayam yang banyak / sedikit	<i>mongintutun</i>	Darah sebagai lambang tenaga hidup dan aliran rezeki; ramalan hasil tuaian	Menentukan petanda kesuburan dan rezeki
3.	Muntah semasa upacara	<i>koilob</i>	Pelepasan unsur negatif dan pembersihan spiritual	Petanda hasil tuaian baik, penyucian diri
4.	Mengantuk dan mabuk tapai	<i>mintutok om naauk</i>	Kehadiran dan keakraban <i>bambarayon</i> bersama manusia (<i>sumuau</i>)	Pengesahan ritual diterima

Sambungan **Jadual 4** Simbolisme ritual dalam upacara *papaakan bambarayon*

Bil.	Simbol/ Fenomena	Istilah Kadazandusun	Tafsiran Makna Simbolik	Fungsi Sosiobudaya
5.	Mimpi makan tetapi tidak kenyang	<i>moginipi</i>	Kelaparan semangat padi (<i>mononlous</i>)	Isyarat kewajipan ritual
6.	Ayam dimasak secara utuh	<i>posonginan</i>	Kesempurnaan dan keutuhan persembahan	Menjamin keharmonian kosmologi
7.	Kayu kecil sebagai senjata	<i>bobogog</i>	Perlindungan simbolik terhadap semangat jahat	Menjaga padi daripada gangguan
8.	Daun pembungkus nasi	<i>pomolopot</i>	Kesucian, kesederhanaan dan hubungan dengan alam	Medium bekalan roh, simbol keseimbangan alam
9.	Meninggalkan peralatan di sulap selama seminggu	<i>lumabai</i>	Pemisahan masa sakral dan profan	Memberikan ruang kepada alam roh
10.	<i>Kokori</i> disisip pada padi	<i>mongokori</i>	Penyerahan bekal dan penutup ritual	Menandakan ritual selesai
11.	Larangan keluar sebelum menghabiskan makanan	<i>mangantalob</i>	Tanggungjawab dan disiplin ritual	Pengukuhan etika komuniti
12.	<i>Bobolian</i> duduk bersila	-	Kerendahan hati dan fokus rohani	Legitimasi peranan <i>bobolian</i>
13.	Tidak memotong paruh dan kuku ayam	<i>posonginan</i>	Keutuhan persembahan	Mengelakkan teguran spiritual
14.	Rasa makanan kuat / berbeza	<i>sundu bambarayon</i>	Aura kehadiran <i>bambarayon</i>	Tanda pertemuan alam roh dan manusia